



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## 100 HARI MEMBANTU RAKYAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**KUALA LUMPUR, 18 Jun 2020** – YB Tan Sri TPr Annuar bin Hj Musa, Menteri Wilayah Persekutuan melepaskan tujuh (7) buah bas bagi menghantar 187 orang gelandangan mengikuti Program Latihan Khas di Kem PLKN, Sepang, Selangor dan 52 orang lagi menyertai Program Pemulihan & Bimbingan di Drug Intervention Community, Kuantan, Pahang bertempat di Pusat Transit Gelandangan hari ini. Beliau turut meluangkan masa bersama kira-kira 20 orang gelandangan yang kini menjadi pekerja Syarikat Top Glove Sdn. Bhd. membuat pembungkusan sarung tangan.

Hari ini juga merupakan 100 hari YB Tan Sri TPr Annuar bin Haji Musa dan YB Dato' Sri Dr. Santhara J.P menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri. Seawal menggalas tugas tersebut, negara berdepan dengan serangan virus COVID-19 sehingga menyebabkan kerajaan mengeluarkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan. Dalam keadaan penuh kesukaran, beliau optimis dan penuh komited untuk membantu warga Wilayah Persekutuan. Golongan gelandangan adalah kelompok yang diberi penumpuan khusus oleh beliau kerana sangat terdedah kepada jangkitan COVID-19 pada ketika itu. Pelbagai inisiatif telah dibuat bagi membantu mereka menyertai masyarakat semula yang kini membawa hasil positif. Ini termasuk penyediaan makan minum, tempat tinggal, pemeriksaan kesihatan, latihan dan juga peluang pekerjaan. Kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO's membolehkan golongan gelandangan ini dibantu secara inklusif.

Semua lapisan masyarakat berjaya dibantu dan mendapat pelbagai manfaat daripada inisiatif yang diilhamkan oleh beliau termasuk memperkenalkan Inisiatif Wilayah CAKNA. Inisiatif ini memberi fokus membantu golongan miskin B40 termasuk di PPR MTEN dan PA DBKL baik dari aspek sumbangan makanan mahupun bantuan kewangan, menyediakan pelbagai insentif buat penjaja dan peniaga kecil yang tidak dapat meneruskan perniagaan bagi mematuhi arahan PKP serta pasukan barisan hadapan di Wilayah Persekutuan yang menggalas tugas berat memerangi COVID-19. Beliau turut mencipta pelbagai peluang pekerjaan kepada orang muda samada di sektor awam ataupun swasta. Pekerja warga asing tanpa permit telah dibuat pemutihan dan tidak boleh lagi terlibat dalam 23 sektor khusus di Wilayah Persekutuan.

Pembangunan Wilayah Persekutuan diteruskan yang melibatkan pelaksanaan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Penumpuan pembangunan kepada tiga sektor utama iaitu perumahan, perbandaran serta sukan bagi membantu penjanaan semula ekonomi negara dan rakyat secara berperingkat. Bagi pembangunan perumahan, Residensi Prihatin khusus untuk golongan muda memiliki rumah di bawah harga RM200,000.00 serta projek Rumah Mikro di Kuala Lumpur bagi pasangan yang baru berkahwin dengan kadar sewaan antara RM800 ke RM850 sebulan. *Smart and save city* adalah fokus utama dalam perancangan perbandaran termasuk sektor pelancongan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Wilayah Persekutuan Putrajaya dijadikan hub Sukan dan Rekreasi yang menempatkan pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi bertaraf dunia. Pembangunan sukan ini sekaligus dapat mengembangkan ekonomi industri lain seperti perhotelan, MICE dan pendidikan. Pembinaan Soccer City yang akan memberi penumpuan kepada sukan bola sepak berprestij tinggi, pembinaan Stadium Ragbi Nasional serta Kompleks Sukan MSWP bertaraf antarabangsa bakal dibina untuk kegunaan para atlet dan komuniti di Wilayah Persekutuan.

Melalui pelbagai inisiatif dan pelaksanaan pelan tindakan yang dipandu (*guide*) oleh Menteri Wilayah Persekutuan, meningkatkan kesejahteraan dan persekitaran hidup yang lebih selesa serta kondusif kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, menjadikan pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan sangat berdaya saing dan maju.

Disediakan oleh :  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
18 Jun 2020